



20 JUN, 2025

## MPOB hasilkan 11 teknologi baharu sawit

Berita Harian, Malaysia



Johari melakukan gimik perasmian TOT MPOB 2025 sambil diperhatikan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Mohamad Helmy Othman Basha (dua dari kiri) di Bangi, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

# MPOB hasilkan 11 teknologi baharu sawit

**Program TOT 2025 dijangka buka banyak peluang niaga kepada syarikat tempatan, PMKS**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
 hazwanfaisal@bh.com.my

Sebanyak 11 teknologi baharu hasil penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ditawarkan untuk pengkomersialan tahun ini menerusi Program Pemindahan Teknologi (TOT) 2025 yang dijangka mampu membuka lebih banyak peluang niaga kepada syarikat tempatan serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata teknologi ini merangkumi pelbagai bidang, termasuk bioteknologi, perlindungan tumbuhan, teknologi mekanisasi dan automasi, oleokimia dan produk bukan makanan serta produk makanan dan makanan ternakan.

Beliau berkata, MPOB akan menerokai penyelidikan untuk menghasilkan produk-produk mesra alam berasaskan sawit yang dapat menggantikan produk asal yang tidak bersifat mampan.

"Minyak penebat transformer berasaskan sawit sedang dipertimbangkan oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk menggantikan minyak transformer berasaskan petroleum di rangkaian pencawang elektrik negara.

"Minyak transformer berasaskan sawit mempunyai potensi pasaran yang menjangkau nilai pasaran AS\$287 juta menjelang 2030," katanya selepas pelancaran TOT MPOB 2025, di Bangi, semalam.

Pada majlis itu, Johari melancarkan formula baja sawit MPOB F6 serta produk biskut berkhasiat yang diperkaya dengan minyak sawit merah hasil penyelidikan MPOB.

Pada majlis sama, beliau juga menyaksikan pertukaran tiga dokumen perjanjian memorandum persefahaman (MoA) bersama rakan kerjasama strategik bagi tujuan pellesenan dan pengkomersialan teknologi Formula Pelet Makanan Lembu, Endophytic Streptomyces Spp. Endo88 as Preventive and Biocontrol Product to Control Ganoderma, serta lipstik berasaskan sawit.

**Tingkatkan produktiviti**  
 Terdahulu dalam ucapannya, Johari berkata, pada setiap tahun melalui pengumuman Program TOT, MPOB memperkenalkan teknologi dan inovasi baharu untuk pengkomersialan.

Katanya, usaha MPOB ini selari dengan matlamat kerajaan untuk me-

ningkatkan produktiviti melalui peningkatan hasil dan bukan perluasan kawasan tanaman.

"Antara teknologi dan inovasi yang diperkenalkan, termasuk penghasilan baka sawit berkualiti, teknik baharu untuk membantu dalam proses penanaman semula dan kawalan penyakit seperti Ganoderma.

Sementara itu, Johari berkata Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) akan mengadakan libat urus dengan pemain industri bagi meneliti kesan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas sektor oleokimia yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai ini.

Beliau berkata, pihaknya mahu mendapatkan maklum balas secara terus daripada penggiat industri sebenar, termasuk kilang sawit, penapis dan pengeluar produk oleokimia, bagi memahami isu yang dibangkitkan.

CIMB Securities dalam nota penyelidikannya baru-baru ini melaporkan peluasan SST khususnya cukai jualan sebanyak lima peratus ke atas minyak isirung sawit, dijangka meningkatkan kos input bagi sektor oleokimia.

Mengulas lanjut, Johari berkata, bahan mentah yang dieksport ke luar negara tidak akan dikenakan SST dan kemungkinan besar isu yang timbul berpunca salah faham mengenai mekanisme pelaksanaan cukai berkenaan.